



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

25 Jun 2020

1. Kerajaan benarkan ibadah korban ; Berita Harian
2. Government allows 'ibadah korban' during Aidiladha; News Straits Times

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Muka Dua		M/SURAT: <input type="text" value="2"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
25 Jun 2020			

Kerajaan benarkan ibadah korban

JAKIM sedia SOP, negeri boleh tentukan lokasi penyembelihan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Ilah Hafiz Abd Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Umat Islam di negara ini dibenarkan menjalankan ibadah korban sempena Aidiladha hujung bulan depan, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, bagi Wilayah Persekutuan, ia hanya dibenarkan di masjid, surau atau kawasan yang dibenarkan pihak berkuasa, manakala di negeri lain tertakluk kepada Majlis Agama Islam masing-masing.

Katanya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sudah menyediakan prosedur operasi standard (SOP) lengkap untuk ibadah berkenaan.

"Sekiranya negeri lain (selain Wilayah Persekutuan) memberi kebenaran, SOP ini boleh dijadikan rujukan," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, antara SOP yang perlu diberi perhatian adalah jumlah petugas dan orang ramai yang boleh hadir di lokasi

ibadah itu.

"Setiap kawasan yang dilakukan ibadah korban perlu mematuhi kapasiti kehadiran 250 orang. Namun, bagi petugas yang mengendalikan korban, ia perlu secara nisbah, iaitu seekor lembu kepada 30 petugas sahaja."

"Kehadiran 30 orang ini bermula dari aktiviti menumbangkan lembu, menyembelih, melapah, membahagikan daging dan menghantarkan kepada penerima manakala bilangan haiwan korban mestilah bersesuaian dengan lokasi disediakan," katanya.

Beliau berkata, setiap kawasan penyembelihan perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan yang terdekat terlebih dahulu bagi memastikan SOP ditetapkan dipatuhi.



Ismail Sabri pada sidang media harian PKPP di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

"Pemeriksaan suhu badan perlu dilakukan dan kanak-kanak berrusia 12 tahun ke bawah tidak dibenarkan masuk. Petugas dan mereka menyertaiinya juga perlu dipastikan tidak bergejala (COVID-19), mendaftar melalui aplikasi MySejahtera, memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan sosial satu meter," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang ramai melakukan ibadah itu di rumah penyembelihan yang disediakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mempunyai peralatan moden.



Setiap kawasan yang lakukan ibadah korban perlu patuhi kapasiti kehadiran 250 orang. Namun, bagi petugas yang mengendalikan korban, ia perlu secara nisbah, iaitu seekor lembu kepada 30 petugas sahaja.

**Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan (Keselamatan)**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input checked="" type="checkbox"/> NEW STRAITS TIMES	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : News	M/SURAT:	8	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 25 Jun 2020			

GOVERNMENT ALLOWS 'IBADAH KORBAN' DURING AIDILADHA:

JAKIM

- Allowed at mosques, surau and areas approved by Federal Territories religious authorities.
- Malaysia Islamic Development Department will prepare S.O.Ps for 'korban'. This can be a reference for state religious authorities.
- Allowed at venues approved by local authorities, 28 Veterinary Services Department (VSD) slaughterhouses, and 31 private slaughterhouses for ruminants licensed under VSD.
- Hosts or organisers must report 'korban' activities to nearest district health office.
- 'Korban' workers limited to 30 people per cow.
- Number of 'korban' animals must be suitable with number of workers.
- Meat carving to be done in area spacious enough to avoid the '3Cs' (crowds, confined spaces and close conversations).